

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 16.01.2025 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
MERCU TANDA REPLIKA FERI IKONIK**

**TARIKH / MASA / TEMPAT
18 JANUARI 2025 (SABTU)
10:00 PAGI**

**DATARAN PEMUDA MERDEKA, BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Mantan Ketua Menteri Pulau Pinang

Merangkap Ahli Parlimen Bagan

Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu

EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Yang Berusaha Puan Normairah Binti Abdul Rahman

Pengarah Pembangunan Lestari Merangkap

Penyelaras Majlis Perasmian Mercu Tanda Replika Feri Ikonik

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bersejarah ini dalam **Majlis Perasmian Mercu Tanda Replika Feri Ikonik.**
2. Saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin menjunjung kasih serta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di atas kesudian menghadiri serta menyempurnakan Majlis pada pagi ini. Sesungguhnya kami amat berbesar hati dan amat berbangga mempunyai penaung yang sentiasa dekat di hati kami dan juga masyarakat Negeri Pulau Pinang.
3. Izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.
4. Majlis ini adalah hasil kerjasama erat antara Majlis Bandaraya Seberang Perai MBSP dan Pejabat Ahli Parlimen Bagan, di bawah naungan Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Usaha bersama ini

merupakan manifestasi keprihatinan kami terhadap pembangunan budaya dan warisan tempatan, selain komitmen kami untuk meningkatkan keterlibatan masyarakat serta memperkuatkan nilai-nilai kebanggaan komuniti.

5. Replika Feri Ikonik ini bukan sekadar mercu tanda, tetapi ia adalah simbol yang menghubungkan warisan maritim Pulau Pinang dengan aspirasi generasi masa depan. Inspirasi rekaannya yang berteraskan feri ikonik Pulau Pinang mencerminkan sejarah dan nostalgia masyarakat kita, bermula dari perkhidmatan feri yang diperkenalkan pada tahun 1894 dengan feri kecil yang mengangkut penumpang dan barang antara George Town dan Butterworth.
6. Feri Pulau Pinang mencapai era kemuncak pada 1960-an hingga 1980-an apabila ia menjadi pengangkutan utama penduduk dan pelancong. Dengan pengenalan feri besar dua (2) tingkat, ia menjadi simbol ikonik negeri ini, sebelum peranan utamanya sedikit demi sedikit diambil alih oleh Jambatan Pulau Pinang pada 1985.
7. Walaupun menghadapi cabaran pada era 2000-an, termasuk kos penyelenggaraan yang tinggi dan pengurangan penumpang, perkhidmatan feri ini menjalani transformasi besar pada tahun 2020-an. Kerajaan memperkenalkan feri katamaran moden untuk mengekalkan elemen sejarahnya, sekaligus menghidupkan semula peranan simboliknya.

8. Lokasi strategik replika ini, iaitu di Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth, dipilih dengan teliti bagi memastikan ia dapat dilihat dan dihargai oleh pelbagai lapisan masyarakat. Sebagai salah satu tempat tumpuan acara rasmi kerajaan, replika ini akan menjadi medium yang berkesan dalam mempromosikan identiti tempatan dan daya tarikan pelancongan di Seberang Perai.
9. Melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini, kami percaya bahawa pelaburan dalam seni dan budaya adalah lebih daripada sekadar hiasan. Ia adalah cara untuk membina hubungan, menyatukan komuniti, dan memperkuuhkan rasa bangga terhadap warisan kita. Replika ini bukan sahaja menyumbang kepada nilai estetika kawasan, malah memberi impak jangka panjang sebagai alternatif pengiklanan yang lebih berkesan dan lestari.
10. Saya berharap, replika ini akan menjadi simbol penyatuan komuniti, di mana ia menggalakkan interaksi masyarakat melalui pelbagai program yang akan dirancang di kawasan ini. Peranan media sosial dalam memperluaskan jangkauan mesej replika ini juga tidak dapat dinafikan, yang secara tidak langsung akan melonjakkan identiti bandar kita ke peringkat yang lebih tinggi.
11. Marilah kita bersama-sama menjadikan replika ini sebagai simbol warisan dan inspirasi kepada generasi akan datang. Semoga ia akan terus menjadi kebanggaan kita semua dan satu lagi ikon yang menonjolkan keunikan Seberang Perai di mata dunia.

12. Mercu tanda ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak yang terlibat. Oleh itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Pejabat Ahli Parlimen Bagan dan semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan sumber demi merealisasikan projek ini.
13. Akhir kata, saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun, jika ada keterlanjuran kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyokong segala usaha MBSP.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***